



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

BELANJAWAN KKR 2025 PERKASA KUALITI PERKHIDMATAN DAN INFRASTRUKTUR RAKYAT

KUALA LUMPUR – Kementerian Kerja Raya (KKR) menyambut baik Belanjawan 2025 bertemakan “**Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan, Mensejahtera Rakyat**” yang telah dibentangkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan di Dewan Rakyat petang semalam.

2. Kementerian Kerja Raya (KKR) menzahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana hampir kesemua inisiatif cadangan KKR telah dipersetujui dan disertakan dalam Belanjawan 2025. Malah terdapat tambahan yang mencerminkan komitmen Kerajaan dalam merealisasikan hasrat meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ini selaras dengan teras utama kerangka Ekonomi MADANI yang tercerna dalam Belanjawan 2025 ini iaitu ‘Menaikkan Lantai’ melalui inisiatif meningkatkan kualiti perkhidmatan dan infrastruktur bertaraf dunia demi kesejahteraan rakyat.

3. KKR menerima **RM10.350 bilion** peruntukan keseluruhan bagi tahun 2025, iaitu **kenaikan 9% berbanding RM9.511 bilion pada tahun 2024**. Jumlah **bajet mengurus** KKR yang diluluskan adalah sebanyak **RM1.022 bilion**, kenaikan **8% berbanding RM949.37 juta** pada tahun 2024. Disamping kenaikan disebabkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), bajet mengurus ini akan dimanfaatkan untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti Kementerian serta prestasi dan komitmen Warga KKR kearah sistem penyampaian yang lebih cekap, berkesan dan berkualiti.

4. Manakala **RM9.327 bilion** adalah untuk **bajet Pembangunan**, meningkat **9% berbanding RM8.561 bilion** pada tahun 2024. Sebahagian besar dari bajet pembangunan yang merupakan 90% dari bajet keseluruhan yang diterima KKR akan ditumpukan untuk membina, memperbaiki, mengganti dan menaik taraf jalan dan jambatan di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan. Bajet tersebut juga akan digunakan untuk kajian perlindungan dan pembaikan cerun, membina, menyenggara dan membaik pulih Bangunan Kerajaan Persekutuan, pembinaan persimpangan bertingkat dan jejambat, pengambilan balik tanah untuk projek-projek jalan dan jambatan serta pelaksanaan projek Komputer dan ICT dalam usaha meningkatkan keupayaan dan kapasiti Kementerian.

5. Aspirasi MYJalan yang telah diluncurkan pada tahun 2023 untuk menyemai peranan kebertanggungjawaban bersama dalam menjaga jalan raya terus diperkukuh melalui beberapa peruntukan dalam Belanjawan KKR 2025. **RM2.8 bilion disediakan**

untuk menyelenggara Jalan Persekutuan dengan RM1 bilion dikhususkan untuk Jalan Sekunder, Jalan Felda dan Jalan Industri yang telah dikenalpasti memerlukan penyenggaraan segera. Sebanyak **RM450 juta dikhaskan** untuk memperkasa kontraktor Kecil Bumiputera Kelas G1-G4 bagi kerja penyenggaraan Jalan Persekutuan **meningkat dari RM300 juta di tahun 2024.**

6. Jumlah keseluruhan kontraktor kecil Bumiputera kelas G1-G4 yang telah berdaftar dengan CIDB di bawah Konsesi Penyenggaraan Jalan adalah sebanyak 15,185 kontraktor. Peningkatan peruntukan akan memperkasa lebih ramai kontraktor kecil Bumiputera kelas G1-G4 melalui kontrak kerja penyenggaraan jalan dan sekaligus diharap dapat meningkatkan lantai serta menjana pertumbuhan ekonomi negara.

7. Aspirasi MYJalan dalam menyediakan infrastruktur yang selamat dan selesa telah mendapat dukungan yang tinggi dalam Belanjawan KKR 2025 melalui projek **pemasangan Lampu Jalan Baharu dan Lampu Isyarat Pintar (Smart Traffic Light) di Jalan Persekutuan Seluruh Malaysia.** Sebanyak **RM178 juta** telah diperuntukkan bagi tujuan ini meningkat **48%** dari RM120 juta tahun 2024.

8. Bagi terus memperkasa program MYJalan, sebanyak **RM30 juta disediakan kepada 115 Jurutera Daerah JKR** yang akan memangkin keputusan dan tindakan dalam pelaksanaan kerja-kerja yang mendadak serta adhoc yang memerlukan tindakan segera. Kerja – kerja ini termasuklah pembaikan kecil turapan/tampalan jalan, pembaikan perabot jalan, mengecat garisan jalan yang pudar, pembaikan kecil ke atas *expansion joint*, pembaikan kerosakan akibat bencana alam dan pembaikan kecil kerosakan lampu jalan/lampu Isyarat.

9. Belanjawan 2025 mempamerkan komitmen Kerajaan yang tinggi untuk melabur bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pembangunan infrastruktur di bandar dan desa, khususnya akses jalan raya yang selamat dan selesa bagi merancakkan Ekonomi MADANI yang lebih makmur. Bagi memastikan kejayaannya, ia memerlukan keterangkuman seluruh warga Malaysia yang terdiri daripada Rakyat, Kerajaan dan Industri yang disulami dengan semangat perpaduan, tatakelola yang baik serta sistem penyampaian awam yang tangkas dan bersepadu (*whole of nation approach*).

#Tamat#

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA
19 OKTOBER 2024



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X d K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A M A L A Y S I A